

# PM sangkal jeneral2 Kelantan nak MM - 3 JUL 1988 rampas kuasa

SEREMBAN 2 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan, ada pihak yang menabur fitnah menyatakan jeneral - jeneral yang berasal dari Kelantan memberi amaran kepada Ketua Polis Negara bahawa jeneral - jeneral itu akan mengambil alih pemerintahan negara ini sekiranya Tengku Razaleigh ditangkap.

Perdana Menteri berkata, ini adalah fitnah yang amat jahat yang cuba untuk melaga-lagakan pihak tentera dengan polis.

"Nasib baik tentera dan polis kita bukan jenis yang mereka anggap, tentera dan polis kita adalah profesional," katanya dalam satu majlis dialog dengan anggota - anggota dan pemimpin UMNO Negeri Sembilan di Gelanggang Budaya, Paroi di sini petang ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, bahawa beliau sedar ada usaha yang telah dibuat oleh pihak berkenaan bagi menentukan kerajaan tidak boleh mengambil tindakan undang - undang terhadap mereka.

Katanya, mereka ini menabur fitnah kononnya beliau telah mengarahkan polis supaya menangkap Tengku Razaleigh Hamzah tetapi kononnya Ketua Polis Negara tidak bersetuju untuk menangkap Tengku Razaleigh dan kerana itu beliau sudah menyingkirkan Ketua Polis Negara.

Sambil menyangkal fitnah itu, beliau berkata, sebenarnya tidak ada arahan yang dibuat berhubungan dengan perkara itu, sebaliknya fitnah itu dibuat atas dua sebab.

Katanya, sebab pertama ialah untuk mendapatkan simpati penyokong - penyokong mereka iaitu "saya ini ganas sangat, nak tangkap orang ini."

"Sebab kedua ialah supaya ianya tidak ditangkap dalam usaha saya nak elak daripada menunjukkan bahawa apa yang dia kata itu betul maka saya tidak akan mengambil tindakan menangkap walaupun dia memecah undang - undang. Jadi ini ialah persediaan untuk memecah undang-undang."

---

Oleh  
Harun Shafie

---

katanya.

Perdana Menteri juga memberitahu bahawa akibat fitnah yang dibuat oleh pihak ini, Ketua Polis Negara terpaksa membuat kenyataan bahawa dia tidak di-suruh oleh beliau untuk menangkap Tengku Razaleigh.

"Dia telah berkhidmat selama 15 tahun dan dia

bukan orang yang bodoh yang mudah panas hati mengambil tindakan yang tidak berasas kepada peraturan - peraturan," jelas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa sesiapa yang memecah undang - undang akan menghadapi akibatnya.